

20/06/1999

Perjuangan tulen penuh ikhlas

Tajuddin Saman

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-53 yang bermula Jumaat lalu, berakhir hari ini. Sepanjang perhimpunan kali ini, pelbagai usul dan pendapat didebatkan. Semuanya bertujuan memartabatkan agama, bangsa dan tanah air.

Perjuangan ini tidak pernah putus dibincangkan sejak Umno ditubuhkan hingga kini. Malah, ia terus menjadi agenda utama dan tidak pernah diabaikan sama sekali.

Seperti dulu, perhimpunan kali ini meriah dengan cambahan pendapat bernas di samping gelagat kelakar perwakilan yang menyenangkan hati. Dalam suasana itu, elok juga kita renungi soal perjuangan itu sendiri.

Sejarah membuktikan, jiwa orang dulu kaya dengan perjuangan. Dan ia lahir dari suasana penuh tekanan, khususnya tekanan penjajahan.

Mungkin ada yang beranggapan latar perjuangan dulu jauh beza dengan sekarang. Dulu kita berjuang mengusir penjajah dan menuntut kemerdekaan tetapi sesudah 42 tahun merdeka, kita mahu berjuang untuk apa lagi? Sekarang ada segala-galanya. Dari angka kosong, kini kita ada berpuluh universiti dan institusi pengajian tinggi. Malah, kita kini mampu mengeluarkan kereta nasional, mendirikan menara tertinggi di dunia dan bermacam-macam lagi. Dengan segala itu, apa lagi yang mahu kita perjuangkan?

Perjuangan sebenarnya wujud sepanjang zaman. Ia ibarat beras yang menjadi nasi apabila dimasak. Kita memerlukan makanan asas itu setiap hari. Meskipun kini banyak makanan gantian lain - nasi boleh ditukar dengan roti dan seumpamanya - tetapi nasi tetap nasi.

Nasilah yang membesarkan kita dari generasi ke generasi. Demikianlah pula dengan perjuangan dalam kehidupan kita sebagai suatu bangsa.

Setiap kita tahu penjajahan sudah berlalu. Tetapi kenyataan mungkin sebaliknya. Penjajahan bentuk baru sedang dalam pembikinannya sekarang. Jika dulu jasad kita dijajah, sekarang penjajah menyusup melalui ekonomi, budaya dan seumpamanya.

Jika dulu bedil meletup merobohkan kota Melaka, kini bedil tidak berbunyi lagi. Taktik penjajah bertukar corak kepada susupan dalam selimut kita sendiri. Penjajah baru sukar dikenali kerana mereka memakai pakaian kita. Justeru, perjuangan menentangnya memerlukan kebijaksanaan yang lebih bestari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Perhimpunan Agung Umno 1996 melontarkan puisi berjudul "Perjuangan Yang Belum Selesai".

Dengan sebak di dada, titisan air mata, Dr Mahathir mendeklamasikan:

"...Sesungguhnya tidak ada yang lebih menyayat  
dari melihat bangsaku dijajah  
Tidak ada yang lebih menyedihkan dari membiarkan bangsaku dihina.  
Air mata tiada ertinya  
sejarah silam tiada maknanya  
sekiranya bangsa tercinta terpinggir  
dipersenda dan dilupakan..."

Jika dihayati, puisi Perdana Menteri itu memperjelaskan kepada kita erti perjuangan. Perjuangan itu soal yang hidup dan berterusan. Bijak pandai menyatakan hanya orang mati tiada perjuangan.

Yang berbeza dalam perjuangan, mungkin wadahnya. Jika dulu perjuangan dikobarkan untuk menentang penjajah secara nyata, kini ia lebih menjurus kepada mengisi kemerdekaan di samping berwaspada terhadap penjajahan baru yang lebih halus sifatnya.

Justeru, dalam melangkah ke depan, kita perlu menoleh ke belakang, melihat latar silam. Dulu, negara penuh ranjau. Di mana-mana kita dibelenggu penjajahan. Malam atau siang, nenek moyang kita terpaksa berdepan dengan keperitan hidup.

Makan tidak kenyang. Pakaian tidak cukup. Pergerakan terbatas. Anak bangsa selalunya kurus melidi kerana tidak cukup vitamin. Hanya dengan kuasa Allah, dalam kesengsaraan itu, lahirlah pemimpin - Dato Onn, Tunku Abdul Rahman dan lain-lain. Mereka berjuang dengan matlamat membebaskan agama, bangsa dan tanah air. Mereka menggerakkan semangat bersatu dan melupuskan perpecahan.

Prinsip Dato Onn - "cogan saya satu bahasa, satu bangsa dan satu negara" - menunjukkan hala tuju kepemimpinan yang amat jelas ke arah perpaduan sejati.

Pemimpin itulah yang bangun dan merobohkan tembok penjajahan yang kukuh dengan sistem 'pecah lalu perintah'. Jika dulu kita hidup seperti 'enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing' tetapi dengan kehadiran pemimpin itu, kita tidak mahu lagi diganggu gugat perpecahan.

Orang dulu ghairah mengucapkan 'bersatu teguh, bercerai roboh' semata-mata kerana mereka sedar tanpa kesatuan, agama tidak dapat ditegak, bangsa tidak dapat dibangun dan tanah air tidak dapat diperintah sendiri.

Arus perjuangan dulu turut merobohkan tembok puak-puak orang Melayu. Sejarah mencatatkan dalam Persidangan Agung Umno ketujuh di Istana Besar Johor Bahru, Dato Onn berkata: "Umno didirikan dengan kehendak orang Melayu sendiri menerusi wakil-wakilnya. Tujuannya ialah untuk membangunkan kehidupan umat Melayu."

Dalam perjuangan itu, ada pemimpin terpaksa merengkok dalam penjara, dibuang daerah dan negeri, malah ada yang terkorban. Namun walau apapun berlaku, perjuangan tetap diteruskan hingga ke akhirnya.

Satu 'rahsia' umum yang tercatat dalam sejarah ialah pemimpin dulu tidak pernah menagih balasan. Sebaliknya, apa yang mereka miliki turut dibelanjakan untuk perjuangan.

Mereka sedar, silap langkah, diri terjerumus ke penjara. Namun, kesedaran itulah yang membara semangat dan perjuangan. Mereka tidak pernah meminta lebih daripada itu. Itulah asas perjuangan tulen.

(END)